

Headline	TH prihatin kemajuan pendidikan		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	07 Oct 2016	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	27	ArticleSize	574 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 19,710
Journalist	Mohamed Sahidi Yusof	PR Value	RM 59,130
Frequency	Daily		



TH prihatin kemajuan pendidikan

• Pecutan terakhir SPM bantu calon dalam daerah Tanah Merah

Oleh Mohamed Sahidi Yusof

upen@bh.com.my

► Tanah Merah

Persediaan terakhir menjelang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) November ini dimanfaatkan sepenuhnya 252 peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM anjuran Kelab TaHa Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH, di sini, baru-baru ini.

Penganjuran seminar membabitkan pelajar Tingkatan Lima dari 12 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dalam kendarian Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tanah Merah, termasuk dua Sekolah Menengah Ugama (SMU) kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Program itu membabitkan perbincangan bagi mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Bahasa Melayu.

Yang turut hadir ialah, Pengurus TH cawangan Tanah Merah, Azmi Ahmad dan Penolong Pegawai Pendidikan (Pengurusan Akademik Sains dan Matematik) PPD Tanah Merah, Salwana Ismail.

Capai kecemerlangan

Seorang peserta, Muhd Muazzam Marzurki, 17, berkata penyertaan dalam seminar itu memberi keyakinan untuk

meraih keputusan lebih baik dalam peperiksaan SPM November ini.

“Kami dapat belajar banyak perkara baharu terutama mengenai teknik secara berkesan menjawab soalan lebih tepat. Ini penting bagi subjek wajib lulus iaitu Sejarah, Matematik dan Bahasa Melayu,” katanya.

Bagi Nur Faqiah Mohd Asri, 17, dari SMU Maahad Ahmadi, Padang Siam, beliau menaruh harapan memperoleh keputusan lebih baik selepas mendapat panduan mengenai kaedah menjawab soalan mengikut format peperiksaan sebenar.

Seorang lagi peserta seminar, Nur Mawaddah Mohd Alias dari SMUA Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, berkata walaupun program itu diadakan sehari tetapi cukup bermakna menerusi ceramah yang disampaikan guru pakar dan berpengalaman.

Sementara itu, Azmi berkata penganjuran seminar berkenaan adalah kali pertama diadakan di PPD Tanah Merah tahun ini.

“Hakikatnya TH peka dengan kemajuan pendidikan dan kerana itu pelbagai program dilaksanakan termasuk dengan BH demi membantu pelajar mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan utama,” katanya.

Headline	TH prihatin kemajuan pendidikan		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	07 Oct 2016	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	27	ArticleSize	574 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 19,710
Journalist	Mohamed Sahidi Yusof	PR Value	RM 59,130
Frequency	Daily		

Reaksi

Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM anjuran TH



Walaupun program diadakan sehari, cukup bermakna menerusi ceramah yang disampaikan guru pakar dan berpengalaman bagi tiga subjek berkenaan”

Nur Mawaddah Mohd Alias,
Pelajar SMUA Maahad Tahfiz
Sains Tanah Merah

Info

- 13 SMK terbabit iaitu:
- SMK Tanah Merah 1
- SMK Tanah Merah 2
- SMK Datuk Mahmud Paduka Raja 1
- SMK Datuk Mahmud Paduka Raja 2
- SMK Belimbang
- SMK Alor Pasir
- SMK Tan Sri Mohamed Yaacob
- SMK Bukit Bunga
- SMK Gual Ipoh
- SMK Ladang Kerilla
- SMUA Maahad Ahmadi
- SMUA Maahad Tahfiz Sains

[FOTO FARIS ZAINULDIN/BH]



Azmi (tengah) bergambar bersama-sama sebahagian daripada pelajar yang menghadiri Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM anjuran TH di SMK Tanah Merah (1), Kelantan.

Seminar SPM

BH SKOR

TABUNG HAJI

Powered by: 